

PENERBANGAN EHSAN JENAZAH ALLAHYARHAM TAN SRI DATO' AMAR HJ SULAIMAN BIN HJ DAUD

Contributed by Mej Kamarulzaman bin Ali TUDM
Tuesday, 23 March 2010

TUDM telah melakukan satu penerbangan ehsan membawa jenazah Tan Sri Dato’ Amar Hj Sulaiman bin Hj Daud ke Kuching Sarawak yang telah meninggal dunia pada 23 Mac 10 pada jam 0810H di Hospital Kuala Lumpur kerana kanser hati. Sebuah pesawat C130 telah ditugaskan untuk menyempurnakan tugas tersebut dimana pesawat tersebut telah berlepas dari PU Subang pada jam 1840H dan sampai di PU Kuching pada 2106H turut membawa bersama 21 orang ahli keluarga jenazah dalam penerbangan. Komander Pangkalan PU Kuching,

Kol Suhaimi bin Hussain TUDM beserta pegawai-pegawai dan anggota PU Kuching telah menyambut dan memberikan penghormatan yang terakhir kepada Allahyarham di Cawang Pergerakan Udara PU Kuching sebelum jenazah dibawa ke rumah keluarga Allahyarham yang bertempat di Jalan Haji Kasan. Turut serta menyambut jenazah di Cawang Pergerakan Udara adalah Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Y.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang beserta Menteri-Menteri dan Pegawai-Pegawai kerajaan Negeri Sarawak. Allahyarham baru sahaja menyambut ulang tahun ke-77 pada 04 Mac yang lepas meninggalkan empat orang anak. Isteri Allahyarham iaitu Puan Sri Naemah Hasbi telah meninggal dunia pada 26 Mac 2005 akibat barah paru-paru. Allahyarham, yang merupakan bekas Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak dan bekas anggota Parlimen Petra Jaya, Sarawak, pernah menjawat 13 jawatan sebagai menteri di peringkat persekutuan, bermula dengan Menteri Wilayah Persekutuan pada 19 Mac 1981. Selain itu, Allahyarham juga pernah memegang jawatan Menteri Pelajaran (1981-84 dan juga 1995-99), Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984-86), Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah (1986-89), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1989-1990), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (1990-1991) dan jawatan terakhirnya sebagai Menteri Pertanian (1995-1999).